

22/06/2003

Dr M terkejut dapat kawal emosi

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mengakui terkejut dengan kemampuannya mengawal emosi ketika menyampaikan ucapan penggulungan terakhir sebagai Presiden pada perhimpunan agung semalam.

"Saya sendiri terkejut. Saya takut juga untuk berucap, kalau saya tidak dapat menahan perasaan sekali lagi tetapi Tuhan maha berkuasa...saya berjaya melakukannya tanpa menangis seperti dulu," katanya.

Ketika melakukan kejutan mengumumkan persaraannya pada perhimpunan agung tahun lalu, Dr Mahathir tidak dapat meneruskan ucapannya kerana terlalu sedih dan menangis sehingga menyebabkan seluruh yang hadir turut mengalirkan air mata.

Rabu lalu, ketika menyampaikan ucapan dasar, beliau sekali lagi menangis tetapi tidak seperti tahun lalu.

Bercakap pada sidang akhbar sejurus selesai perhimpunan, Dr Mahathir berkata, beliau gembira meninggalkan parti pada masa ini selepas berjaya memulih dan menguatkan Umno.

Beliau berkata, kini wujud bukti kukuh menunjukkan sokongan padu ahli Umno terhadap perjuangan parti selepas Umno melalui pelbagai krisis sepanjang tempoh 22 tahun beliau memegang pucuk pimpinan.

"Sepanjang 22 tahun, kadang-kadang cemas juga bila ada perpecahan dalam parti tetapi perkara ini berlaku dalam politik.

"Dalam politik, tidak ada keadaan yang sama saja...kawan boleh jadi lawan dan lawan boleh jadi kawan. Jadi kadang, saya rasa sedih dan kemudian gembira...kemudian sedih dan gembira balik. Macam pasaran saham jugaklah," katanya.

"Saya sedar banyak perkara yang kita (kerajaan) buat, ramai yang tidak dapat faham dan ia perlukan penerangan.

"Jadi perhimpunan sebegini memberi peluang kepada kita untuk memberi penerangan dan merapatkan perpaduan untuk meneruskan perjuangan parti," katanya.

Dr Mahathir sekali lagi menegaskan bahawa beliau akan bersara daripada semua jawatan dalam parti dan kerajaan.

Ketika ditanya sama ada beliau akan menyahut cadangan beberapa negara Islam supaya memegang jawatan Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) selepas persaraannya, beliau berkata:

"Tidak. Tidak. Saya tidak mahu sebarang jawatan tetapi jika diminta untuk memberi pandangan, saya akan beri. Saya tidak akan jadi Menteri Kanan (atau apa-apa)."

Katanya, beliau akan menulis lebih banyak mengenai pengalamannya sejak memegang jawatan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan menteri.

Ditanya mesejnya kepada masyarakat antarabangsa, Dr Mahathir berkata: "Mesej saya mudah. Laporan perkara yang sebenarnya. Jangan cuba justifikasi perkara salah."

Mengenai sama ada Datuk Seri Najib Razak dan Tan Sri Muhyiddin akan menjadi calon kepada jawatan nombor dua dalam parti dan kerajaan, beliau berkata, perkara itu terpulang kepada Perdana Menteri akan datang.

"Sama ada dua atau 10 lagi nama orang yang akan jadi pertimbangan, terpulang kepada Perdana Menteri kerana perlantikan itu ialah sebagai Timbalan Perdana Menteri dan bukan Timbalan Presiden Umno," katanya.

Beliau berkata, Presiden dan Timbalan Presiden Umno dipilih parti tetapi jawatan Timbalan Presiden boleh ditentukan Presiden, iaitu sebagai pemangku (Timbalan Presiden) sehingga disahkan mesyuarat agung parti.

Mengenai buku "International Jews" yang diedarkan kepada perwakilan, Dr

Mahathir berkata, buku yang dibacanya itu beberapa tahun lalu tidak memberi sebarang kesan kepada pemikirannya kepada senario di Palestin.

"Apa yang berlaku memberi kesan kepada saya. Tanah kepunyaan Arab diambil orang Eropah untuk diberikan kepada pihak Yahudi. Mereka (Arab) dihalau dari tanahair mereka sehingga ia menimbulkan konflik sejak 50 tahun lalu," katanya.

Mengenai nasib bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau berkata:

"Dia ada di penjara. Jika parti nak dia balik lepas saya bersara, saya tidak ada hak untuk kata tidak tetapi anda tahu, apabila anda berada dalam parti, anda perlu berjuang untuk parti dan bukan untuk diri sendiri."

(END)